



KENYATAAN MEDIA
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA
3 SEPTEMBER 2017

QURBAN PERDANA IRM RAI MASYARAKAT PEDALAMAN

Beluran, 3 Sep. 2017 – Islamic Relief Malaysia (IRM) buat tahun ke-10 berturut-turut menganjurkan program pelaksanaan ibadah korban untuk masyarakat Malaysia sejak tahun 2008.

Selain menjalankan ibadah yang sangat dituntut di dalam Islam, majlis itu juga bertujuan untuk mengerat hubungan di antara pihak IRM dan masyarakat tempatan yang dibantu.

Sebanyak 75 buah keluarga melibatkan 450 penerima manfaat dari Kg. Sg. Tangkarason, Beluran, Sabah bakal menerima daging korban hasil pelaksanaan ibadah itu.

Mereka terdiri daripada empat suku kaum iaitu Kaum Sungai, Iban, Bajau dan Melayu.

Hampir RM18,000 berjaya dikumpulkan bagi membiayai keseluruhan majlis Qurban Perdana yang diadakan itu.

Dalam majlis yang turut melibatkan masyarakat kampung dan pihak penaja itu, sebanyak 3 ekor lembu dikorbankan.

Mengenai IRM dan IR

Diasaskan di United Kingdom pada tahun 1984, Islamic Relief Worldwide (IR) merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan amal antarabangsa yang bebas dan bukan berpaksikan politik. IR diiktiraf sebagai sebuah badan bukan kerajaan dengan status

perundingan khas sejak tahun 1993 oleh Majlis Ekonomi & Sosial PBB (UNECOSOC). Selama bertahun-tahun, IR telah mengembangkan mandatnya untuk menyediakan bantuan kemanusiaan dalam pelbagai bidang termasuk bantuan kecemasan, pembangunan mampan sosial bersepadu (termasuk perubatan, pembangunan komuniti, pendidikan, kehidupan, tempat tinggal, psikososial) dan pengurangan risiko bencana. Kami membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira kaum, agama, jantina atau kefahaman politik tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Sehingga kini, IR telah berkhidmat di lebih 45 buah negara. Sejak 1984, IR telah mempunyai rangkaian tetap di lebih 35 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia yang bertanggungjawab untuk menyelaras, menjana dana dan melaksanakan program-program IR.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan penubuhan IRM pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana (bagi projek antarabangsa & tempatan) dan pelaksana projek tempatan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu www.islamic-relief.org.my atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

atau melalui :

CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT

MOBILE APPS | IR Malaysia

Ir. Hj. Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

**Dikeluarkan oleh,
Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sis Zafirah
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my